

Najib akan bantangkan kad laporan BN esok
Malaysian Insider
Mac 18, 2013
Oleh Jahabar Sadiq

KUALA LUMPUR, 18 Mac — Untuk mengekalkan pendekatan politik “ala presiden”, Datuk Seri Najib Razak akan membentangkan kad laporan Barisan Nasional (BN) mengenai pencapaian dan inisiatif dalam ucapan ala “State of Union” malam esok, kata seorang pegawai kerajaan.

Pegawai parti dan pengkritik beliau telah menunjukkan kempen gaya presiden Najib sejak mengambil alih jawatan pada tahun 2009 sebagai faktor utama untuk mendapatkan undi dalam kempen BN bagi Pilihan Raya 2013. Pilihan raya itu dijangka akan diadakan dalam tempoh sebulan.

Dengan menggelarnya ucapan “State of Union” sama seperti yang dilakukan di Amerika Syarikat, menteri dan pegawai mengatakan Najib akan bercakap tentang pencapaian oleh kedua-dua Program Transformasi Ekonomi (ETP) dan Program Transformasi Kerajaan (GTP) yang bermula pada 2010.

“Akan ada penanda ekonomi dan sosial untuk menunjukkan sejauh mana kita berjaya di bawah ETP dan GTP,” kata seorang menteri kepada The Malaysian Insider, dengan syarat namanya tidak disiarkan.

“Itu adalah rekod pencapaian BN.”

Menteri di Jabatan Perdana Menteri Datuk Seri Idris Jala sudah memberi taklimat kepada pengarang kanan dan penganalisis minggu lepas tentang apa yang bakal disentuh Najib walaupun kandungan ucapan dan laporan tidak boleh dikeluarkan sehingga malam esok.

Najib sendiri telah memberitahu dia perlu menunjukkan kad laporan ETP dan GTP sebelum mengadakan pilihan raya untuk mendapatkan mandat peribadinya selepas mengambil alih kepimpinan negara dari Tun Abdullah Ahmad Badawi pada April 2009.

Perdana menteri keenam itu kelihatan penuh dengan keyakinan menjelang pilihan raya, mendedahkan Pendapatan Negara Kasar (PNK) Malaysia minggu lepas, peningkatan angka 49 peratus, atau AS\$6,670 sehingga AS\$9,970 (RM20,817 sehingga RM31,116) diantara 2009 dan 2011, walaupun angka tersebut telah dipertikaikan.

Dengan bergantung kepada angka ekonomi untuk menunjukkan pencapaian negara di bawah BN, Najib juga telah menetapkan beberapa inisiatif termasuk pemberian wang tunai kepada golongan miskin dan fokus kepada menyediakan peluang pekerjaan bagi golongan muda.

Inisiatif perdana menteri itu telah menyebabkan beliau lebih popular berbanding partinya dan kerajaan, dengan tinjauan terbaru Merdeka Center menunjukkan kadar sokongan terhadap Najib adalah 61 peratus bulan lepas turun sedikit dari 63 peratus pada Disember.

Kedua-dua kerajaan dan partinya hanya mendapat kelulusan di atas 40 peratus dalam tinjauan sama, memperlihatkan pentingnya Najib dalam usaha BN untuk mendapatkan kembali majoriti tradisi dua pertiga yang mereka hilang pada Pilihan Raya 2008.

"BN memerlukan beliau lebih daripada sebelum ini. Calon boleh menang bergantung kepada Najib untuk menang, bukan sebaliknya," kata seorang ahli politik kanan BN kepada -----
-----The Malaysian Insider, dengan mengatakan muka baru tidak akan mempunyai masa cukup untuk menunjukkan kelebihan mereka kepada pengundi.

"Pilihan raya berkemungkinan akan diadakan dalam masa sebulan dengan 222 kerusi parlimen akan mempunyai paling ramai pengundi berbanding sebelum ini, bagaimana untuk menjadi popular?"

"Kita perlu bergantung kepada Najib dan angka ekonominya," kata ahli politik tersebut, sambil menambah ini refleksi pendekatan politik ala presiden perdana menteri dalam menjalankan tugasnya.

"Bergantung kepada beliau dan saya harap kita menang besar," tambahnya.

Lebih kurang 13.3 juta pengundi termasuk 3,000 undi diluar negara telah mendaftar untuk mengundi dalam pilihan raya umum (PRU) yang dilihat sebagai paling sengit. PRU terakhir adalah pada 8 Mac, 2008 akan tetapi Najib masih mengambil masa untuk membubarkan parlimen.

Perdana menteri mempunyai masa sehingga 28 April sebelum parlimen terbubar secara automatik akan tetapi sumber mengatakan kemungkinan besar parlimen akan dibubarkan dalam masa seminggu dengan pilihan raya akan diadakan pada pertengahan April.

Pemimpin BN secara peribadi menjangkakan gabungan pemerintah itu mampu merampas semula majoriti dua pertiga walaupun Pakatan Rakyat (PR) yang dipimpin oleh Datuk Seri Anwar Ibrahim juga yakin mereka akan menang.

Hakcipta © 2013 The Malaysian Insider

Source:

<http://www.themalaysianinsider.com/bahasa/article/najib-akan-bentangkan-kad-laporan-bn-esok/>